

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
[AYER HITAM]**

SOALAN NO. 87

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:

- (a) statistik penyakit batuk kering atau tuberkulosis (tibi) di seluruh negara bagi tahun 2017, 2018 dan 2019 mengikut pecahan kewarganegaraan ; dan
- (b) apakah usaha Kerajaan bagi mengurangkan kematian akibat penyakit tibi menjelang tahun 2050 seperti saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) .

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Penyakit Tibi adalah disebabkan oleh jangkitan bakteria *Mycobacterium Tuberculosis* yang merebak melalui udara. Jumlah kes Tibi pada tahun 2017 adalah 26,168 kes dengan 3,133 kes (12%) adalah kes Tibi bukan warganegara. Pada tahun 2018, jumlah kes Tibi adalah 25,837 kes dengan 3,242 kes (12.6%) adalah kes Tibi bukan warganegara. Bagi tahun 2019, sehingga 31 Ogos didapati jumlah kes adalah 17,223 kes, dengan 2,196 kes (12.7%) adalah kes Tibi bukan warganegara.

Kementerian Kesihatan amat komited dalam melaksanakan pencegahan dan pengawalan penularan penyakit Tibi di Malaysia

selaras dengan saranan yang ditetapkan oleh WHO. Tindakan yang telah diambil oleh Kementerian bagi mengurangkan kematian akibat Tibi adalah seperti berikut:

1. Menyediakan Pelan Strategik Kawalan Tibi Kebangsaan (2016-2020) dengan fokus utama untuk menurunkan beban penyakit Tibi menjelang tahun 2035;
2. Meningkatkan pengesanan awal kes bagi tujuan rawatan awal penyakit Tibi. Pesakit yang diberikan rawatan awal dapat mengurangkan komplikasi dan kematian akibat penyakit Tibi. Program saringan kontak iaitu individu yang mempunyai hubungan rapat dengan pesakit dan golongan berisiko tinggi lain yang telah dikenalpasti seperti pesakit HIV, *renal failure on dialysis*, pesakit *chronic obstructive pulmonary diseases*, pesakit diabetes, warga emas, perokok dan sebagainya telah dilakukan; dan
3. Kementerian juga giat mengadakan kempen-kempen kesihatan tentang bahayanya penyakit Tibi di media sosial dan juga media elektronik secara berkala dan berterusan. Dengan adanya kempen kesihatan ini diharapkan pesakit yang mempunyai tanda dan gejala penyakit Tibi seperti batuk berpanjangan melebihi 2 minggu, demam, berpeluh waktu malam, turun berat badan dan batuk berdarah tampil mendapatkan pemeriksaan kesihatan dan rawatan awal di fasiliti kesihatan.

Sekian, terima kasih.